

NO. SOALAN: 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID
BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]
TARIKH : 1.08.2017 (SELASA)

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan butiran lengkap mengenai kesemua skim mikrokredit mendapat dana Kerajaan Persekutuan termasuk nama, modal asal, objektif penubuhan dan sasaran di samping prestasi sejak penubuhan sehingga Jun 2017 dari segi bilangan benefisiari, jumlah kredit, kadar pembayaran semula dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

KPDNKK bertanggungjawab dalam menguruskan beberapa dana pinjaman di bawah skim mikro kredit seperti berikut:

a) Skim Pinjaman Mikro Penjaja Dan Peniaga Kecil (MPPK)

- i. Bertujuan untuk membantu menaik taraf dan mempertingkatkan modal perniagaan sedia ada kepada penjaja dan peniaga kecil melalui pembiayaan tanpa faedah seperti penambahan modal kerja/pusingan dan pembelian peralatan/aset yang berkaitan secara langsung dengan jenis perniagaan yang sedang dijalankan.
- ii. Kadar jumlah pinjaman adalah dari **RM3,000 sehingga RM50,000.**

b) Skim Bazar Ramadan (SBR)

- i. SBR menggunakan sebahagian daripada dana Tabung Pembiayaan MPPK yang berjumlah **RM45 juta.**
- ii. Bertujuan untuk membantu penjaja dan peniaga kecil yang berniaga juadah makanan dan minuman serta barangan/keperluan hari raya pada bulan Ramadan.
- iii. Had pinjaman bagi program SBR adalah berjumlah **RM3,000.**

c) Skim Pinjaman Mikro 1Malaysia Mobile Hawkers (1MMH)

- i. 1MMH menawarkan skim pinjaman tanpa faedah kepada peserta bagi menjalankan perniagaan *food truck* bagi tujuan pengubahsuaian fizikal kenderaan (*box*) dan menampung kos modal pusingan.
- ii. Seramai 10 peserta perintis di Putrajaya telah diberi pinjaman berjumlah RM50 ribu seorang.

Secara keseluruhan peruntukan yang digunakan bagi mewujudkan skim pinjaman mikro kredit bagi pembangunan penjaja dan peniaga kecil adalah seperti Jadual 1:

Jadual 1: Maklumat Dana Bagi Program Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil

Bil	Program	Peruntukan	Agensi Pelaksana
a.	Skim Pinjaman Mikro Penjaja Dan Peniaga Kecil (MPPK) - Konsep Syariah	RM 105 juta	Bank Rakyat
b.	Skim Pinjaman Mikro Penjaja Dan Peniaga Kecil (MPPK) – Konsep Konvensional	RM10 juta	Koperasi Simpanan dan Kredit Bersatu Malaysia Berhad
c.	Skim Bazar Ramadan	RM 45 juta	Bank Rakyat
d.	Skim Pinjaman Mikro-I 1Malaysia Mobile Hawkers (1MMH)	RM500 ribu	Bank Rakyat
JUMLAH KESELURUHAN		RM160.5	

Bil.	Program	Peruntukan	Agensi Pelaksana
		juta	

Prestasi Pinjaman

Hasil dari pelaksanaan program yang dilaksanakan, seramai **40,682 orang** peminjam telah mendapat manfaat dari ketiga-tiga program skim pinjaman mikro KPDNKK. Prestasi bayaran balik bagi tarikh sehingga 30 Jun 2017 untuk setiap program adalah seperti di Jadual 2:

Jadual 2: Prestasi Bayaran Balik Mengikut Program

Perkara	MPPK (RM)	SBR (RM)	1MMH (RM)	JUMLAH (RM)
Jumlah pinjaman	86,355,090	59,927,500.00	500,000.00	146,782,590
Bilangan peminjam	18,548	22,124	10	40,682
Jumlah kutipan	39,758,902	27,106,869	97,812	66,963,583
Peratus bayaran balik	58%	45%	68%	

*MPPK adalah merangkumi skim pinjaman syariah dan konvensional